

Wednesday, July 27, 2022

BeritaHarian

SILAT

BH f t i  
www.beritaharian.sg



**TENANG SEBELUM BERJUANG:** Iqbal (kanan) ialah juara dunia bertahan bagi acara seni tunggal putera. – Foto-foto FACEBOOK PERSEKUTUAN SILAT SINGAPURA

**FOKUS PADA SASARAN:** Pesilat negara membuat latihan saat-saat akhir di hotel mereka kelmarin sebelum masuk gelanggang Kejohanan Pencak Silat Dunia hari ini.

## Pesilat negara tenang buru sasaran di Kejohanan Dunia

➤ ZULAIQAH ABDUL RAHIM  
zulab@sph.com.sg  
di Melaka

PARA pesilat negara kini sedang menjalani persiapan terakhir menjelang Kejohanan Pencak Silat Sedunia ke-19 yang dibuka secara rasmi semalam.

Aksi di gelanggang bermula hari ini, tetapi sebarang tekanan, yang dirasakan pesilat negara, jika ada, kurang ketara.

Kelmarin, keadaan di sesi

latihan yang diadakan berhampiran tempat penginapan di Hotel Metra Square, Ayer Keroh, Melaka, riang dan suara pesilat tertawa kadang-kala memecah suasana.

Namun, sebalik senyuman, raut wajah pesilat tanding Nurul Suhaila Mohd Saiful, Sheik Farhan Sheik Alau'ddin dan Sheik Ferdous Sheik Alau'ddin, serta pesilat seni Muhd Iqbal Abdul Rahman menunjukkan azam untuk berjaya.

Mereka, yang boleh dianggap pesilat 'veteran', memikul sebahagian tanggungjawab harapan pingat negara, dalam skuad yang ditaburi beberapa wajah muda dan pesilat baru.

Seramai 19 daripada rombongan pesilat 30 orang beraksi buat julung-julung kali di Kejohanan Pencak Silat Dunia ini.

Bercakap kepada Berita Harian (BH) sebelum pasukan berangkat ke Melaka, Ketua Pegawai Eksekutif Persekutuan Si-

lat Singapura (Persisi), Sheik Alau'ddin Yacoob Marican enggan menumpukan perhatian kepada sasaran pingat.

Namun, beliau berkata setiap atlet harus memberikan komitmen yang terbaik dalam memburu keputusan yang diinginkan.

Kejohanan, ini yang kembali diadakan selepas pandemik, dijadual berlangsung sehingga 31 Julai.